

## BAB TIGA

## **BAB TIGA**

### **UNDANG-UNDANG PERKAHWINAN DAN PERCERAIAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Wilayah Persekutuan ialah kawasan atau wilayah yang di tadbir terus oleh Kerajaan Persekutuan. Terdapat tiga buah wilayah yang diwartakan sebagai Wilayah Persekutuan di Malaysia iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Ketiga-tiga wilayah persekutuan ini terikat dengan akta undang-undang perkahwinan dan perceraian yang sama.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ialah bandaraya ibu Negara Malaysia. Kuala Lumpur pada mulanya hanya sebuah perkampungan pelombong-pelombong bijih timah. Kedatangan British ke Kuala Lumpur pada

tahun 1890an telah membawa perubahan yang besar kepada bandar ini. Pada tahun 1896, apabila kerajaan Inggeris membentuk Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB), Kuala Lumpur telah dipilih menjadi ibu negeri. Akhirnya, Kuala Lumpur telah dianugerahi taraf bandaraya pertama di Malaysia pada tahun 1972. Dua tahun kemudian, iaitu pada tahun 1974, Kuala Lumpur diisytiharkan sebagai negeri yang berasingan dan dinamakan Wilayah Persekutuan. Wilayah ini telah diperluaskan daripada 93.24 km persegi kepada 243.65 km persegi selepas pengisytiharan itu.<sup>1</sup>

Penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah di bawah kuasa Akta Perlembagaan (pindaan) 1973 (Enakmen No. 4 tahun 1973). Antara tujuan penubuhannya ialah untuk mengemaskinikan pengurusan dan pentadbiran serta pembangunannya dalam bidang-bidang sosio-ekonomi, keagamaan, pentadbiran tanah, infrastruktur, perumahan, pengangkutan, perparitan, pengindahan bandar dan seumpamanya.<sup>2</sup>

Selaras dengan kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan agama, penduduknya bebas mengamalkan ajaran agama masing-masing. Antara anutan agama yang paling utama di Malaysia ialah Islam, Kristian, Budha dan Hindu. Keadaan yang sama juga turut berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Lantaran itu, tidak ada undang-undang keluarga yang seragam di Malaysia amnya dan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur khususnya. Malahan, dikalangan masyarakat Islam sendiripun, tidak

ada keseragaman undang-undang keluarga untuk mereka sejak tahun 1912 sehingga sekarang.<sup>3</sup>

Situasi ini berlaku kerana undang-undang keluarga Islam terletak di bawah bidangkuasa kerajaan negeri. Menurut perlembagaan Malaysia perkara 3(2) menyatakan:

**“Dalam tiap-tiap negeri melainkan negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja sebagai Ketua Agama Islam dalam negerinya secara setakat mana yang diakui dan diisytiharkan oleh perlembagaan negeri itu, dan juga, tertakluk kepada Perlembagaan negeri itu, segala hak, keistimewaan, hak kedaulatan dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua Agama Islam tidaklah tersentuh dan tercatat, tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja supaya meliputi seluruh Persekutuan maka tiap-tiap orang Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua Agama Islam membenarkan Yang DiPertuan Agong mewakilinya”.<sup>4</sup>**

Memandangkan undang-undang keluarga Islam terletak di bawah bidangkuasa kerajaan negeri, tiap-tiap negeri mempunyai enakmen undang-undang Keluarga Islam masing-masing. Pentadbiran ini merupakan faktor yang memungkinkan wujudnya ketidakseragaman undang-undang keluarga di kalangan masyarakat Islam Malaysia selain daripada faktor-faktor yang lain seperti sejarah, adat resam dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini telah ada usaha-usaha untuk menyeragamkan undang-undang tersebut.

Namun begitu, buat masa ini undang-undang perkahwinan dan perceraian yang terpakai di Malaysia terbahagi kepada tiga bentuk undang-undang.

- i. Orang-orang Islam terikat dengan akta atau enakmen undang-undang keluarga Islam yang disetujui oleh Raja sebagai Ketua Agama di negeri-negeri dalam Malaysia
- ii. Orang-orang bukan Islam terikat dengan Akta Membaharui Undang-Undang (perkahwinan dan perceraian) 1976 (Akta 164) dan kaedah-kaedahnya.<sup>5</sup>
- iii. Bumiputera Sabah, Sarawak dan Orang Asli di Malaysia, terikat dengan undang-undang Adat Kelaziman Orang Asli dan mereka boleh menggunakan Akta Membaharui (perkahwinan dan perceraian) 1976 (Akta 164) dan kaedah-kaedahnya jika:
  - a. Mereka memilih untuk berkahwin di bawah akta ini.
  - b. Mereka berkahwin di bawah ordinan perkahwinan kristian
  - c. Mereka berkahwin di bawah ordinan perkahwinan sivil dan gereja.

Berdasarkan kepada pola penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, dapatlah disimpulkan bahawa undang-undang perkahwinan dan perceraian yang terpakai di sini hanyalah di dalam dua bentuk sahaja, iaitu:

- i. Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984
- ii. Akta Membaharui (Perkahwinan dan perceraian) 1976 (Akta 164) dan kaedah-kaedahnya

Keadaan ini wujud kerana berdasarkan pola etnik penduduk, bumiputera Sabah, Sarawak dan Orang asli Malaysia tiada yang menetap di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kecuali hanya sebilangan kecil sahaja.

### **3.2 UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dahulunya ialah sebahagian daripada Wilayah Selangor. Justeru itu, Undang-undang Keluarga Islam yang terpakai pada masa itu ialah Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor (1952). Apabila Kuala Lumpur diisytiharkan menjadi Wilayah Persekutuan pada tahun 1974 dan selaras dengan kedudukannya sebagai satu unit politik yang ada autonomi sendiri, maka satu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ditubuhkan dengan menggunakan peruntukan-peruntukan Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor (1952) yang telah diubahsuai oleh perintah Wilayah Persekutuan (1974). Keadaan ini bererti undang-undang Keluarga Islam

Wilayah-Wilayah Persekutuan yang terpakai semenjak ia ditubuhkan sehingga tahun 1983 ialah Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor (1952) dengan beberapa pindaan.

Pada tahun 1984, dengan termaktubnya Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, undang-undang Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor (1952) yang telah diubahsuai oleh perintah Wilayah Persekutuan (1974) telah tidak digunakan lagi dalam perkara-perkara tertentu. Semenjak tahun 1984 sehingga kini, undang-undang keluarga Islam Wilayah Persekutuan terus memakai Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 yang juga dikenali sebagai "Akta 303" dengan beberapa pindaan telah dibuat ke atas akta ini beberapa kali. Akta ini juga turut terpakai di Wilayah Persekutuan Labuan.

Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa selama 27 tahun Wilayah Persekutuan diwujudkan, terdapat dua bentuk statut undang-undang keluarga Islam yang telah dan sedang diamalkan, iaitu;

- i. Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor (1952) yang telah diubahsuai oleh perintah Wilayah Persekutuan (1974)
- ii. Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.

Kesemua undang-undang ini hanyalah khusus bagi orang-orang Islam yang tinggal di Wilayah Persekutuan sahaja. Penduduk yang bukan Islam, mereka tertakluk dengan Akta Membaharui (perkahwinan dan perceraian) 1976 (Akta 164) dan kaedah-kaedah yang dipakai bagi semua orang bukan Islam di Malaysia dan bagi semua yang berdomisil di Malaysia tetapi tinggal di luar Malaysia.

Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan ditadbir oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Ia juga dikenal dengan nama singkatnya MAJLIS. Tujuan MAJLIS ditubuhkan ialah untuk menolong dan menasihati Yang Di Pertuan Agung mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan orang-orang Islam. Ia juga bertanggungjawab untuk memperkenalkan Islam secara menyeluruh kepada Masyarakat dan berusaha bersungguh-sungguh untuk menerap dan menggalakkan umat Islam mempraktikkan Islam dalam semua aspek hidup mereka. Antara matlamat MAJLIS yang telah dirangka ialah:

1. Membentuk dan mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang dinamik dan progresif yang sentiasa mencari keredhaan Allah s.w.t.
2. Memupuk keimanan dan mengukuhkan ukhuwwah Islamiyyah (persaudaraan Islam) di kalangan orang Islam di Wilayah

Persekutuan khasnya dan di Malaysia amnya bagi mencapai perpaduan ummah.

3. Memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran di dalam masyarakat Islam.
4. Melaksanakan usaha-usaha menambah harta MAJLIS sama ada melalui pelaburan ataupun usaha-usaha halal yang lain bagi faedah umat Islam seluruhnya.<sup>6</sup>

Bagi melicinkan lagi pelaksanaan undang-undang keluarga Islam di Wilayah Persekutuan, MAJLIS mewujudkan tiga badan yang mempunyai fungsi yang berlainan untuk membantunya dalam hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan. Pertama, sebuah urusetia iaitu Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang berfungsi melaksanakan dasar-dasar yang diputuskan oleh MAJLIS. Kedua, Jabatan Mufti yang diketuai oleh seorang mufti yang berfungsi untuk mengeluarkan fatwa dalam hal ehwal yang berkaitan dengan agama Islam di Wilayah Persekutuan. Ketiga, kehakiman Syar'iyah yang berfungsi untuk melaksanakan undang-undang yang berkaitan dengan hal ehwal Islam di Wilayah Persekutuan. Dalam lain perkataan, badan yang ketiga inilah yang berperanan secara langsung di dalam melaksanakan Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984. Struktur, organisasi dan bidangkuasa kehakiman Syariah akan dibincangkan selanjutnya.

### 3.3 KEDUDUKAN *MUT'AH* DALAM ENAKMEN PENTADBIRAN HUKUM SYARA' 1952

Sebelum penguatkuasaan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' 1952 bagi negeri Selangor yang telah diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan (1974) dan kini telah dimansuhkan telah dipakai dengan beberapa pindaan di wilayah-wilayah Persekutuan.

Enakmen ini telah diwartakan di Negeri Selangor pada 11 Oktober 1952. Apabila Wilayah Persekutuan ditubuhkan, Enakmen ini telah diguna pakai dan dinamakan Enakmen Wilayah Persekutuan, 1973. Ia mula berkuatkuasa pada 1 Februari, 1974. Dalam bahagian Pendahuluan Enakmen ini, pengertian *mut'ah* tidak ditakrifkan. Sebaliknya, apa yang dimasukkan dalam statut ialah perkataan "*pemberian*" yang bermaksud suatu pemberian yang dihadiahkan oleh suami kepada isterinya pada masa perkahwinan baik berupa wang tunai atau sesuatu benda yang seumpamanya. Oleh itu, berdasarkan pengertian di atas, perkataan "*pemberian*" dalam statut ini tidak membawa maksud *mut'ah*.

Walau bagaimanapun, dalam Bahagian Perkahwinan dan Perceraian Enakmen tersebut, peruntukan mengenai *mut'ah* ada dinyatakan pada seksyen 130, yang berbunyi:

**"Seorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya bolehlah meminta kepada Kadi kerana pemberian saguhati atau mutaah dan Kadi itu lepas daripada mendengar kedua-dua pihak bolehlah memerintahkan pembayaran yang berpatutan mengikut undang-undang Islam."**

Berdasarkan klausa "*Seorang perempuan yang telah diceraikan oleh suaminya bolehlah meminta kepada Kadi kerana pemberian saguhati atau mutaah...*" dalam Enakmen di atas, dapat difahami bahawa setiap isteri yang di cerai berhak memohon *mut'ah*. Peruntukan ini agak umum kerana tidak dinyatakan hal keadaan perceraian itu terjadi sama ada disebabkan oleh pihak suami atau pihak isteri. Walau bagaimanapun, secara perbandingan, peruntukan ini tidak jauh berbeza apa yang termaktub dalam seksyen 56, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah) Persekutuan 1984. Kedua-duanya mentakrifkan *mut'ah* sebagai bayaran saguhati. Menurut Nik Noraini binti Nik Badlishah<sup>7</sup>, takrifan begini mungkin mengelirukan dan ia boleh memberi tanggapan yang salah terutamanya kepada orang awam iaitu *mut'ah* hanyalah suatu bayaran sukarela yang boleh di buat kepada seseorang perempuan yang telah bercerai. Justeru itu, mungkin ia patut diistilahkan sebagai "pampasan" atau "peruntukan kewangan" untuk perempuan yang telah bercerai.

Selain itu, tiada panduan yang khusus dalam statut ini bagi membantu Mahkamah dalam menentukan kemampuan pihak suami dan jumlah bayaran yang patut sebagai *mut'ah*. Ia banyak bergantung kepada budi bicara setiap Mahkamah walaupun ada dinyatakan dalam statut bahawa Hakim hendaklah mengikut Hukum Syarak. Implikasinya, penghakiman Mahkamah menjadi tidak seragam walaupun kes yang dibicarakan ada titik persamaannya. Umpamanya dalam kes Rokiah lwn Mohd Idris<sup>8</sup>, Yang Arif Kadi Besar telah mentaksirkan nilai *mut'ah* dengan kadar RM1.00 sehari dan didarabkan dengan jumlah usia perkahwinan. Apabila kes ini di bawa ke Mahkamah Rayuan Syariah, Jawatankuasa Rayuan mendapati bahawa kaedah ini adalah mengikut amalan Mahkamah Syariah di Singapura dan tiada sebarang nas yang menyokong amalan tersebut. Lantaran itu, Mahkamah Rayuan Syariah telah membatalkan perintah yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dan mentaksirkan kadar *mut'ah* dengan melihat 'trend' atau aliran penghakiman yang telah di buat di Mahkamah Syariah negeri-negeri seluruh Malaysia.

### **3.3.1 PENGENALAN AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984**

Menurut kuasa Butiran I dalam Senarai II (Senarai Perundangan Negeri) dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, Parlimen mempunyai kuasa untuk mengadakan perundangan mengenai undang-undang keluarga

Islam di Wilayah Persekutuan. Sehubungan dengan itu, dalam tahun 1984, Parlimen telah memperbuat Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan Akta ini telah mula berkuatkuasa pada 29 April 1987.

Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) ini adalah suatu akta bagi mengkanunkan peruntukan-peruntukan tertentu undang-undang keluarga Islam mengenai perkahwinan, perceraian, nafkah, penjagaan dan lain-lain perkara berkaitan dengan kehidupan keluarga. (Selepas ini di sebut AUKIWP)

Penggubalan AUKIWP 1984 bertujuan untuk mengkhusus dan memperkemaskan lagi peruntukan-peruntukan Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan agar ianya lebih baik dan kemaskini serta teratur, sesuai dengan keperluan semasa dalam menyelesaikan kes-kes yang didaftarkan tanpa menyimpang dari ketentuan Hukum Syarak.

Sebelum Akta ini dikuatkuasakan, segala kes-kes mengenai hal ehwal Undang-undang Keluarga Islam yang berlaku di Wilayah Persekutuan semenjak tahun 1974, akan dibicarakan dan diselesaikan mengikut Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor, 1952 (No. 3 Tahun 1952) sebagaimana yang diubahsuai oleh perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen

Pentadbiran Hukum Syara') 1974, yang dibuat menurut Seksyen 6 (4) Akta Perlembagaan (pindaan) (No.2) 1973.

Tujuan AUKIWP 1984 ini digubal ialah untuk mengkhususkan dan memperkemaskan lagi peruntukan-peruntukan yang sedia ada mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan supaya lebih sesuai dan teratur. Dengan mengemaskinikan undang-undang tersebut, adalah diharapkan ianya dapat menyelesaikan kes-kes yang didaftarkan secara lebih teratur dan sempurna tanpa menyimpang dari ketentuan Hukum Syarak.<sup>9</sup>

Menurut Tuan Sheikh Ghazali bin Abd Rahman (kini Dato'), secara umumnya AUKIWP 1984 adalah menepati kehendak Hukum Syarak. Namun begitu, pada pandangan beliau Akta tersebut masih ada kelemahannya dan masih perlu dikaji dan diperbaiki semula supaya lebih sesuai dan tidak menimbulkan kekeliruan umat Islam.<sup>10</sup>

Melihat kepada peruntukan-peruntukan secara keseluruhannya, memang tidak dapat dinafikan AUKIWP 1984 digubal berdasarkan Hukum Syarak iaitu dengan mengambil kira pendapat-pendapat mazhab Syāfi'ī, Hanafī, Mālikī dan Hanbalī.<sup>11</sup> Namun begitu, jawatankuasa penggubalan AUKIWP 1984 hendaklah berusaha dari semasa ke semasa menyelidik dan menilai bagi melengkap dan

menyesuaikan lagi Akta ini supaya lebih menepati sepenuhnya kehendak syariat Islam dan kesesuaiannya dengan keadaan semasa.

Dalam konteks ini, penyelidikan adalah perlu kerana peggubalan AUKIWP 1984 tidak dapat lari daripada Perlembagaan Malaysia sebagaimana yang diperuntukkan berkenaan dengan kedudukan agama Islam sebagai Agama Persekutuan. Sungguhpun Islam adalah agama rasmi negara tetapi Perlembagaan Persekutuanlah undang-undang yang tertinggi dan setiap undang-undang hendaklah diasaskan dan diselaraskan dengan kehendaknya. Mana-mana undang-undang yang digubal selepas 1957 dan didapati bercanggah dengan perlembagaan tersebut akan terbatal secara automatik setakat mana yang bercanggah tanpa sebarang kekecualian termasuklah undang-undang yang berkaitan dengan agama Islam.<sup>12</sup>

Memandangkan Perlembagaan Persekutuan lahir daripada acuan undang-undang Barat, undang-undang Islam di Malaysia hanya terpakai dalam ruang yang sempit dan berdasarkan ruang lingkup yang amat terhad berasaskan peruntukan yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dalam jadual kesembilan, senarai satu butiran 6(e) bagi Wilayah Persekutuan dan senarai dua butiran satu negeri-negeri lain.

Oleh sebab itu, pada masa ini dan mungkin masa akan datang, selagi situasi ini tidak di ubah atau beberapa peruntukan dalam perlembagaan tersebut

tidak di pinda, undang-undang Islam tidak mungkin dapat di gubal dan dilaksanakan dengan sempurna serta menepati kehendak Hukum Syarak. Sungguh pun begitu, halangan-halangan tersebut tidaklah boleh dijadikan alasan untuk tidak langsung berusaha mendaulatkan undang-undang Islam khususnya dalam undang-undang keluarga Islam.

Jika dilihat kepada peruntukan yang diberi oleh Perlembagaan Persekutuan, masih kedapatan ruang-ruang khususnya dalam undang-undang keluarga Islam yang boleh dipertingkatkan lagi sehingga bertepatan dengan kehendak Hukum Syarak yang sebenarnya.

Malahan, memang tidak dapat dinafikan kewujudan AUKIWP 1984 dapat juga menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan terutamanya dalam soal perkahwinan, perceraian, nafkah, *mut'ah*, *ḥaḍānah* dan harta sepencarian.

### 3.4 KEDUDUKAN MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mula ditubuhkan pada 1 Februari 1974.<sup>13</sup> Sebelum itu, Kuala Lumpur merupakan ibu Negeri Selangor dan negara Malaysia. Sungguhpun, penubuhannya selepas 17 tahun negara merdeka,

Wilayah Persekutuan turut tidak terkecuali dari menerima kesan pengaruh penjajahan Inggeris yang telah melahirkan dua institusi kehakiman yang berasingan iaitu Mahkamah Awam dan Mahkamah Syariah.

Mahkamah Awam ditubuhkan oleh Akta Mahkamah yang diluluskan oleh Parlimen dan diletakkan di bawah kerajaan Persekutuan. Ia masih mengekalkan sistem kehakiman Inggeris.<sup>14</sup> Berdasarkan peruntukan perlembagaan, Mahkamah Awam mempunyai bidangkuasa yang menyeluruh dalam perundangan serta mendapat tempat istimewa di dalam pentadbiran negara dan perhatian khusus dalam Perlembagaan Malaysia. Justeru itu, Mahkamah Awam dilengkapi segala kemudahan dan kelengkapan yang mencukupi. Antara mahkamah yang termasuk dalam kategori Mahkamah Awam di Malaysia ialah Mahkamah Agong, Mahkamah Tinggi (termasuk mahkamah Tinggi Borneo), Mahkamah Sesyen, Mahkamah Majistret (Kelas 1 dan II), Mahkamah Juvana, Mahkamah Anak Negeri (Sabah dan Sarawak) dan Mahkamah Penghulu.<sup>15</sup>

Mahkamah Syariah di Malaysia ditubuhkan oleh Enakmen Negeri. Manakala di Melaka, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan, ia diwujudkan berdasarkan peruntukan kuasa yang diserahkan kepada Yang Di Pertuan Agong. Selaras dengan peruntukan tersebut, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan di bawah peruntukan perkara 44 (1) dan (2) Enakmen pentadbiran Hukum Syara' (Selangor) Tahun 1952 sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Tahun 1974 setelah

diisytiharkan dalam warta. Apabila Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah Persekutuan 1986 (APUUIWP 1986) dikuatkuasakan maka peruntukan mengenai penubuhan Mahkamah Syariah yang termaktub di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' (Selangor), Tahun 1952 telah dimansuhkan dan digantikan dengan APUUIWP 1986 di bawah Seksyen 40(1) dan (3).

Perlembagaan Persekutuan telah memperuntukan bahawa Mahkamah Syariah adalah di bawah bidangkuasa eksklusif Badan Perundangan Negeri.<sup>16</sup> Justeru itu pentadbiran Mahkamah Syariah di Malaysia tidak berpusat sebagaimana Mahkamah Awam. Ia diletakkan di bawah bidangkuasa kerajaan negeri dan mempunyai enakmen atau akta undang-undang keluarga yang tersendiri.

Keadaan ini menyebabkan berlakunya ketidakseragaman dalam peruntukan undang-undang dan ketidakselarasan dari segi hukuman.<sup>17</sup> Malahan, ia juga merupakan salah satu sebab kepada wujudnya keterbatasan pentadbiran iaitu hanya berautoriti di dalam negeri tersebut sahaja. Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan juga turut tidak terkecuali daripada mengalami masalah yang sama.

Sejak ditubuhkan, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP) dari segi pentadbiran merupakan satu unit daripada Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). Pada

tahun 1982, berlaku proses pemisahan di mana Mahkamah Syariah diasingkan daripada bahagian tersebut dan dinaikkan taraf menjadi satu bahagian daripada JAWI. Bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Kehakiman dan pentadbiran Mahkamah Syariah. Ia ditempatkan di Wisma Baitulmal, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.<sup>18</sup>

Selepas pemisahan, Bahagian Kehakiman dan Mahkamah Syariah telah mempunyai pejabat sendiri yang membolehkannya berfungsi secara bersendirian, tanpa menimbulkan apa-apa prejudis dan ia juga sebagai satu bahagian yang diberi kuasa penuh sebagaimana menurut peruntukan dalam seksyen 45(1)<sup>19</sup>. Mulai 17 Julai 1989, MSWP telah dipisahkan daripada JAWI dan ditadbirkan terus dari Jabatan Perdana Menteri. Justeru itu, MSWP adalah berbeza dari segi pentadbirannya berbanding dengan pentadbiran Mahkamah Syariah negeri-negeri yang lain kerana ia merupakan satu badan bebas dan berasingan dari JAWI terutamanya mengenai beberapa perkara berhubung dengan urusan pengambilan kakitangan, urusan kenaikan pangkat, gaji dan sebagainya yang diuruskan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Pemisahan ini dirasakan wajar supaya Mahkamah mampu berdiri sebagai badan kehakiman yang bebas, tidak terikat dengan polisi-polisi awam dan tidak menimbulkan prejudis serta pertikaian terhadap kredibiliti dan keadilan yang didukung oleh Mahkamah Syariah.

Menurut MAMPU (Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit) (Unit Perancangan Pemodenan dan Perancangan Sumber Manusia), kedudukan Bahagian Kehakiman dan Pentadbiran Mahkamah Syariah yang diletakkan di bawah Majlis-Majlis Agama Islam adalah tidak sesuai kerana ia akan menjejaskan terutamanya dari segi kecekapan pentadbiran Mahkamah dan kewibawaan Mahkamah serta undang-undang. Sepatutnya Mahkamah Syariah dijadikan badan bebas yang bertanggungjawab terus kepada Yang Di Pertuan Agung bagi Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri yang tidak beraja ataupun bertanggungjawab terus kepada Sultan atau Raja bagi negeri-negeri yang beraja.<sup>20</sup>

Cadangan MAMPU ini bertujuan untuk mengelakkan prejudis perundangan ataupun pentadbiran yang mungkin timbul sekiranya ia diletakkan di bawah satu jabatan yang mempunyai kuasa perundangan yang berlainan.

Jika di sorot daripada perspektif Islam pula, Mahkamah Syariah ialah sebuah mahkamah yang mempunyai bidangkuasa menyeluruh meliputi orang Islam dan bukan Islam. Pengertian tersebut adalah sangat sesuai dengan realiti penduduk Malaysia amnya dan Wilayah Persekutuan khususnya yang terdiri dari masyarakat majmuk dan anutan agama yang pelbagai. Malangnya perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa Agama Islam adalah agama bagi persekutuan telah ditafsirkan sebagai agama yang digunakan untuk majlis-majlis rasmi sahaja seperti bacaan doa dan tidak

bermaksud melaksanakan undang-undang Islam. Keadaan ini telah dijelaskan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, alahyarham Tunku Abd. Rahman dengan menyatakan:

**“.....Negara ini bukanlah sebuah negara Islam sebagaimana difahamkan secara umumnya. Kita cuma memperuntukkan Islam hendaklah menjadi ugama rasmi bagi negara”.**<sup>21</sup>

Oleh kerana, Malaysia bukan sebuah negara Islam, Mahkamah Syariah khususnya MSWP hanya berfungsi untuk membicarakan dan memutuskan kes-kes yang hanya melibatkan orang-orang Islam sama ada yang bermastautin atau bermukim di Wilayah Persekutuan sebagaimana yang telah diperuntukan oleh Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984<sup>22</sup>. Keadaan ini tidak selaras dengan objektif penubuhan MSWP yang sebenar iaitu untuk mendaulatkan undang-undang Syariah yang berjalan sekarang disamping mewujudkan sistem kehakiman Syariah yang teratur dan berkesan serta menerima, mendengar dan menyelesaikan sebanyak mungkin kes-kes yang dibawa ke Mahkamah ini secara adil.

Dari segi pentadbiran, MSWP terdiri daripada Unit Pendaftar, Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah.<sup>23</sup> Unit Pendaftaran dan ketiga-tiga jenis mahkamah ini berbeza fungsi di antara satu sama lain.

Menurut Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303) "Pendaftar" ertinya pendaftar kanan Perkahwinan, Perceraian dan Ruju' Orang Islam yang dilantik di bawah seksyen 28. Unit Pendaftar terdiri daripada Ketua Pendaftar, Pendaftar dan Penolong Pendaftar. Di bawah Ketua Pendaftar terdapat seorang Penolong Pegawai Tadbir yang bertanggungjawab dalam pentadbiran Am dan kewangan. Tugas ini juga turut di bantu oleh tiga orang Pembantu Tadbir yang berperanan dalam bidang pentadbiran, kewangan dan kesetiausahaan. Berdasarkan seksyen 28(1), (2) dan (3), perlantikan Ketua Pendaftar, Timbalan dan Penolong Pendaftar dilantik oleh Yang diPertuan Agong.<sup>24</sup>

Mahkamah Rayuan Syariah ditubuhkan di bawah seksyen 40(3) Akta Pentadbiran. Mahkamah ini dianggotai oleh tujuh orang panel tetap Hakim. Setiap perbicaraan, Mahkamah akan dipengerusikan oleh Ketua Hakim Syarie serta dibantu oleh dua orang lagi anggota bagi membentuk korum Hakim. Fungsi mahkamah Rayuan ialah mengawasi, menyemak dan mengadakan ulangbicara kes-kes Mahkamah dan jenayah Mahkamah Syariah yang lebih rendah.<sup>25</sup> Keputusan Mahkamah Rayuan adalah muktamad.

Struktur MSWP yang kedua ialah Mahkamah Tinggi Syariah. Penubuhan mahkamah ini dibuat oleh Yang diPertuan Agong atas nasihat Menteri melalui pemberitahuan dalam warta. Mahkamah ini diketuai oleh Kadi Besar dan berkuasa membicarakan kes-kes yang termasuk di bawah bidang kuasanya di

Wilayah Persekutuan. Fungsi mahkamah ini dalam bidang kuasa jenayah ialah berperanan membicarakan semua kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam dan boleh menjatuhkan hukuman sebagaimana yang telah diperuntukkan. Manakala, dalam bidangkuasa, Mahkamah ini boleh mendengar dan memutuskan kes apabila semua pihak adalah orang Islam.<sup>26</sup> Ini bermakna, sekiranya melibatkan pasangan yang bukan Islam, Mahkamah tidak mempunyai bidangkuasa dan ia akan di rujuk kepada Mahkamah Sivil.

Terdapat juga peruntukan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah juga berautoriti menyemak dan mengawasi ke atas semua mahkamah Rendah Syariah dan boleh, jika perlu demi kepentingan, keadilan, sama ada atas kehendaknya atau kehendak pihak yang berkenaan, pada mana-mana peringkat dalam sesuatu perkara atau prosiding sama ada *Mā'i* atau jenayah dalam mana-mana Mahkamah Rendah Syariah meminta dan memeriksa mana-mana rekod dan boleh memberi apa-apa arahan yang perlu disisi keadilan.<sup>27</sup>

Seterusnya, struktur MSWP yang terakhir ialah Mahkamah Rendah Syariah. Mahkamah ini juga ditubuhkan oleh Yang diPertuan Agong atas nasihat Menteri melalui pemberitahuan dalam warta. Bidangkuasanya meliputi perkara yang sama dengan bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah kecuali kadarnya.<sup>28</sup> Umpamanya dalam bidangkuasa jenayah, ia hanya berkuasa membicarakan kes yang mana hukumannya denda tidak melebihi RM2,000.00 atau penjara selama satu tahun atau kedua-duanya sekali. Manakala, dalam bidangkuasa *Mā'i*, kes

yang boleh dibicarakan, nilainya tidak boleh melebihi dari RM50,000.00.<sup>29</sup> Pada masa ini, Mahkamah Rendah Syariah mempunyai 6 orang Hakim termasuk seorang yang bertugas di Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Labuan dan diketuai oleh seorang Yang DiPertua.

Demikianlah pengenalan ketiga-tiga struktur Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan secara ringkas yang telahpun diwujudkan semenjak awal penubuhan Wilayah Persekutuan. Pada masa itu, Mahkamah Syāriah Wilayah Persekutuan ditempatkan di Jalan Tun Razak. Kemudian ia ditempatkan pula di Bangunan J.K.R. No. 2255, Jalan Pekeliling Kuala Lumpur. Akhirnya pada awal Januari 1991, Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan telah dipindahkan ke bangunannya sendiri iaitu Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara, Kuala Lumpur. Bangunan ini dibina setinggi empat tingkat telah digazetkan sebagai bangunan Mahkamah Syariah pada 1 September 1990.<sup>30</sup>

### **3.4.1 BIDANGKUASA MAHKAMAH**

Bidangkuasa Mahkamah Syariah di Malaysia terhad kepada undang-undang diri dan hanya berkuatkuasa ke atas orang Islam sahaja. Maksud undang-undang diri ialah sebagaimana peruntukan dalam jadual ke-9 senarai 2 Butiran 1, Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

“.....Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, maskahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf dan ta'rif serta mengenai amanah dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, Yayasan amanah, khairat dan Yayasan Khairat yang dijalankan ke semuanya sekali dalam negeri; adat Istiadat Melayu, zakat fitrah dan Baitul Māl atau hasil agama Islam yang seumpamanya; Masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; mengadakan dan menghukum kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang yang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam senarai persekutuan, perlembagaan, organisasi dan prosidur mahkamah-mahkamah syariah, yang akan mempunyai bidangkuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang Persekutuan mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam, menentukan perkara hukum Islam, menentukan perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu”.

Peruntukan tersebut merupakan senarai Negeri. Oleh itu, undang-undang Islam di Malaysia terletak di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri. Setiap Negeri mempunyai Mahkamah Syariah yang di tubuh berdasarkan peruntukan enaknya sendiri. Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan ditubuhkan di bawah Peruntukan Perkara 44(1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' (Selangor) Tahun 1952 sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah

Persekutuan Tahun 1974. Enakmen tersebut dimansuhkan dan diganti dengan Akta Pentadbiran Undang-undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993.

Menurut Allahyarham Tun Mohammad Suffian bin Hasyim; dalam bukunya yang berjudul Mengenal Perlembagaan Malaysia menyatakan:

**“Suatu perkara yang penuh bererti ialah tentang syarat bahawa Mahkamah Syariah yang ditubuhkan oleh pihak berkuasa negeri mempunyai bidangkuasa hanya terhadap orang-orang Islam dan ianya tidak mempunyai bidangkuasa berhubung dengan kesalahan kecuali setakat mana yang diberikan kuasa oleh undang-undang persekutuan. Akta Mahkamah Syariah (bidangkuasa jenayah) 1965 telah dibuat untuk memberi kuasa-kuasa mahkamah tersebut dengan bidangkuasa terhadap kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang Islam yang bertentangan dengan ajaran Islam. Jika didapati perlu untuk memastikan Hukum Syarak bagi tujuan undang-undang persekutuan, kuasa untuk membuat undang-undang bagi kepastian ini dengan nyata diberi kepada Parlimen”.<sup>31</sup>**

Pernyataan di atas jelas menunjukkan bahawa Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang yang tertinggi di Malaysia. Biarpun Islam agama rasmi Negara, peruntukan tersebut tidak menjadikan undang-undang Islam sebagai undang-undang utama. Badan perundangan Negeri yang diberi kuasa menggubal undang-undang Islam hanya berkuasa menggubal setakat mana yang diperuntukan oleh Perlembagaan Persekutuan. Mana-mana yang bertentangan dengan perlembagaan tersebut secara automatik akan terbatal. Justeru itu, kewujudan Mahkamah Syariah hanya sebagai 'mengisi sebahagian kecil' bidangkuasa dalam sistem perundangan negara. Dalam

ertikata yang lain, Mahkamah Syariah mempunyai bidangkuasa yang terhad dan tidak menyeluruh.

Bidangkuasa Mahkamah Syariah meliputi bidang kuasa jenayah dan bidang kuasa sivil. Secara umumnya, bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah boleh dibahagikan kepada enam kategori seperti berikut:

- a. Kesalahan-kesalahan matriomoni seperti menganiãya isteri dan tidak taat kepada suami.
- b. Kesalahan-kesalahan berhubung dengan seks seperti persetubuhan haram, khalwat, sumbang dan lacur.
- c. Kesalahan-kesalahan berhubung dengan minuman keras seperti menjual dan meminum minuman tersebut.
- d. Kesalahan-kesalahan daripada aspek keimanan seperti tidak sembahyang, tidak membayar zakat dan fitrah dan tidak berpuasa.
- e. Kesalahan berhubung dengan menukar agama seperti tidak melaporkan dan mendaftar masuk atau keluar agama Islam dan kesalahan mengenai pengambilan anak angkat.

- f. Pelbagai kesalahan lain yang tidak termasuk dalam kategori diatas.

Manakala, dalam bidangkuasa *Māi*, Mahkamah Syariah boleh mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak beragama Islam dan dalam perkara yang berkaitan dengan:

- a. Pertunangan, perkahwinan, perceraian, *fasakh* dan *fa'raḳ*.
- b. Sebarang pelupusan atau tuntutan yang berkaitan dengan perkara (a) di atas:
- c. Nafkah tanggungan, kesahtarafan atau penjagaan atau jagaan kanak-kanak.
- d. Pembahagian atau tuntutan harta sepencarian.
- e. Wasiat atau pemberian pada ketika hampir mati seseorang Islam.
- f. Pemberian semasa hidup atau penyelesaian yang dibuat tanpa balasan dengan wang atau nilai wang oleh seseorang Islam.
- g. Wakaf atau nazar.

- h. Menentukan orang yang berhak kepada bahagian harta simati yang beragama Islam atau bahagian yang orang itu masing-masing berhak.
- i. Perkara lain yang berkenaan dengannya, bidangkuasa diberi oleh mana-mana undang-undang bertulis.<sup>32</sup>

Selain daripada tidak menyeluruh, bidangkuasa Mahkamah Syariah dalam menjatuhkan hukuman juga telah dibataskan. Satu undang-undang telah diluluskan oleh Parlimen iaitu Mahkamah Syariah (Bidangkuasa Jenayah) 1965 yang telah menetapkan bahawa Mahkamah Syariah tidak boleh membicarakan sesuatu kes jenayah jika hukuman yang lebih pada hukuman penjara 6 bulan atau lebih daripada RM1,000 atau kedua-duanya sekali.<sup>33</sup>

Menurut pindaan tersebut, hukuman maksima boleh dikenakan tidak melebihi dari 3 tahun penjara atau denda tidak lebih RM5,000 atau rotan tidak lebih dari 6 kali sebatan atau gandingan mana-mana dari hukuman tersebut.<sup>34</sup> Sementara itu bagi kesalahan sivil pula, jumlah tuntutan atau perkara yang dipertikaikan tidak melebihi RM10,000.00.

Suatu perkara yang menarik dan memberi kesan yang positif terhadap perkembangan bidangkuasa Mahkamah Syariah ialah apabila berlakunya

pindaan pada perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan (10 Jun 1988). Pindaan ini memperuntukkan bahawa Mahkamah-Mahkamah yang dirujuk dalam fasal (1) tidak akan mempunyai bidangkuasa ke atas sebarang perkara yang berada dalam lingkungan bidangkuasa Mahkamah-Mahkamah Syariah.

Biarpun begitu, peruntukan tersebut masih boleh dipertikaikan kerana Aturan Mahkamah Tinggi 1980 dan Akta Mahkamah Kehakiman 1964 yang berkaitan dengan Certiorari dan ulasan Kehakiman, yang memberikan hak atau kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk mengatasi mahkamah-mahkamah yang lebih rendah,<sup>35</sup> termasuk Mahkamah Syariah.

Dari aspek lingkungan wilayah pula, Mahkamah Syariah hanya mempunyai kuasa untuk membicarakan seseorang yang melakukan sesuatu kesalahan di dalam negeri itu sahaja. Selaras dengan kedudukannya sebagai satu unit politik yang ada autonomi sendiri, Wilayah Persekutuan turut mempunyai Mahkamah Syariah serta bidangkuasanya yang tersendiri. Bidangkuasa Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan adalah berdasarkan kepada beberapa akta dan peraturan yang telah diperuntukan. Akta dan peraturan tersebut ialah:

- a. Akta Wilayah Persekutuan 1974 [Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor. (no. 3/1952)]

- b. Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta A 303].
- c. Akta pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505]
- d. Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559]
- e. Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 560]
- f. Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 561]
- g. Akta Tatacara *Mā'* Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 (Akta 585)

Menurut Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993, setiap kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam akan dibicarakan oleh Mahkamah Syariah dimana tempat kesalahan tersebut berlaku di bawah bidangnya. Antara kawasan yang termasuk di bawah

bidangkuasa Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan khususnya Kuala Lumpur ialah kawasan Setapak, Damansara, Sungai Besi, Kuala Lumpur dan Kepong.

Sekiranya kesalahan itu dilakukan oleh bukan permastautin serta akibatnya terjadi di luar kawasan Wilayah Persekutuan, maka perbicaraan boleh dilakukan sama ada di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan atau Mahkamah Syariah di mana akibat jenayah tersebut berlaku.

Menurut seksyen 96, akta tersebut, bidangkuasa Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan boleh mendengar dan membicarakan kes-kes di mana:

- a. Jika sesuatu kesalahan sebahagiannya dilakukan di Wilayah Persekutuan dan sebahagian lagi di kawasan lain.
- b. Jika tidak dapat diketahui kesalahan yang dilakukan sama ada di Wilayah Persekutuan atau kawasan lain.
- c. Jika kesalahan dilakukan terus menerus di Wilayah Persekutuan dan lain-lain tempat.

Demikianlah bidang kuasa Mahkamah Syariah di Malaysia amnya dan di Wilayah Persekutuan khususnya. Daripada perbincangan tersebut, nyatalah asas pembahagian bidangkuasa Mahkamah Syariah di negara ini dasarnya

adalah Hukum Syarak tetapi peruntukan bidang kuasanya yang terhad menyebabkan mahkamah Syariah kurang berjaya memainkan peranannya sebagaimana fungsi sebenar mahkamah syariah menurut perspektif Islam.

### 3.5 PERCERAIAN MENURUT AKTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1984

Menurut John Eekelaar, dalam bukunya Family Security and Family Breakdown,<sup>36</sup> menyatakan;

**"In all societies, no matter what the state of the law, there will always be children born outside marriage; there will always be breakdown of marriage. It becomes necessary, therefore, to devise the most effective means of re-adjustment by which the law may mitigate the harmful consequences of illegitimacy and marital breakdown and to provide some measure of compensation for the frustration of the expectation entertained by the parties concerned."**

Banyak kajian yang di buat mengenai perceraian di kalangan masyarakat Melayu. Antara pengkaji-pengkajinya ini ialah Firth (1974), Yoshihiro Tsubouchi (1977), Abdul Majid (1989), dan Wan. Sulaiman (1990). Mereka berkesimpulan bahawa perkahwinan dikalangan orang Melayu tidak stabil dan kadar perceraian adalah tinggi.

Untuk mengatasi masalah ini, selain daripada menetapkan kadar minima iaitu enam belas tahun bagi wanita dan lapan belas tahun bagi lelaki serta diwajibkan mengikuti kursus pra-perkahwinan bagi pasangan yang hendak berkahwin, undang-undang keluarga Islam di Malaysia juga telah membuat peruntukan bahawa setiap perceraian mestilah didaftarkan. Bahagian 5, seksyen 45, Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, merupakan rujukan kepada Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan untuk membuat perintah supaya suami dibenarkan melafazkan *ṭalāq* hanya dalam keadaan berikut:

- I. Jika perkahwinan itu telah didaftarkan menurut undang-undang.
- II. Jika perkahwinan itu telah dilangsungkan dan sah mengikut Hukum Syarak.
- III. Jika permastautin salah satu pihak kepada perkahwinan pada masa permohonan itu diserahkan adalah dalam Wilayah Persekutuan.

Manakala seksyen 47 pula memperuntukkan bagi seseorang suami atau isteri menyerahkan permohonan untuk perceraian melalui *ṭalāq* atau dengan perintah. Sekiranya salah satu pihak bersetuju terhadap perceraian itu dan Mahkamah berpuas hati dengan hujah bahawa perkahwinan itu tidak dapat dipulihkan, maka Mahkamah hendaklah menasihatkan suami tersebut supaya

melafazkan *ṭalāq* satu di hadapan Mahkamah. Mahkamah juga hendaklah merekodkan hal *ṭalāq* satu itu dan menghantar satu salinan rekod yang diperakui kepada Pendaftar yang berkenaan untuk didaftarkan. Cara ini melindungi isteri diceraikan sewenang-wenangnya oleh suami. Malangnya, kadar perceraian di luar Mahkamah masih tinggi. Keadaan ini berlaku mungkin disebabkan oleh dua faktor iaitu tidak mengetahui wujudnya syarat tersebut atau sengaja mahu mengelak kerana mengetahui proses tersebut akan mengambil masa yang lama.

Selain daripada *ṭalāq* perceraian juga boleh di buat dengan cara *khul'* iaitu pihak isteri memberi sesuatu kepada suami sebagai ganti kepada pembebasannya daripada ikatan perkahwinan. *Khul'* adalah *mahzūr* (terpaksa dilakukan) jika suami memukulnya atau mengugut hendak membunuhnya atau enggan memberi nafkah. Peruntukan tersebut terdapat dalam seksyen 49, yang menyatakan bahawa jika pihak-pihak itu bersetuju bersetuju dengan cara penebusan atau cerai tebus *ṭalāq*, Mahkamah hendaklah, selepas jumlah bayaran tebus *ṭalāq* dipersetujui oleh pihak-pihak itu, mengarahkan suami itu melafazkan perceraian dengan cara penebusan dan perceraian itu adalah *bā'in sughrā* atau tidak boleh di rujuk. Jika jumlah bayarannya tidak dipersetujui oleh pihak-pihak itu, Mahkamah boleh mentaksirkan jumlah itu mengikut Hukum Syarak dengan memberi pertimbangan kepada taraf dan sumber kewangan pihak-pihak itu.

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, dalam seksyen 50, turut memperuntukkan bahawa seseorang perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapatkan perceraian menurut syarat-syarat surat perakuan *ta'liq* yang di buat selepas berkahwin, memohon kepada Mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku dan Mahkamah hendaklah membuat penyiasatan mengenai sahnya perceraian itu dan, jika berpuas hati bahawa perceraian itu adalah sah mengikut Hukum Syarak, hendaklah mengesahkan dan merekodkan perceraian itu. Peruntukan ini bertujuan mengawal kuasa perceraian yang ada di tangan suami. Selain itu, isteri dapat mencari jalan keluar sekiranya mendapat suami yang zalim dan tidak bertanggungjawab.

Pembubaran perkahwinan juga boleh di buat dengan cara *fasakh*. Seksyen 52 (1) telah menyatakan dua belas alasan yang membolehkan seseorang perempuan yang berkahwin mengikut Hukum Syarak berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau *fasakh* atas satu atau lebih daripada alasan-alasan seperti tidak mengetahui di mana suaminya berada selama tempoh lebih daripada satu tahun, suami telah di hukum penjara selama tempoh tiga tahun atau lebih, suami tidak menunaikan nafkah batin, suami mati pucuk pada masa perkahwinan, suami telah gila atau sedang mengidap penyakit kusta atau penyakit vitiligo atau penyakit kelamin dalam keadaan boleh berjangkit, suami menganiayainya, suami sengaja enggan mensetubuhinya, isteri tidak izin akan perkahwinan itu atau izinnya tidak sah,

dan suatu alasan lain iaitu apa-apa alasan lain yang diiktiraf sebagai sah bagi membubarkan perkahwinan atau bagi *fasakh* di bawah Hukum Syarak.

Jika dihalusi peruntukan tersebut, ternyata seksyen 52(1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, meliputi apa sahaja keadaan yang boleh digunakan oleh isteri untuk membubarkan perkahwinannya itu. Walaupun secara teorinya isteri boleh menggunakan apa sahaja alasan di bawah seksyen ini tetapi dari segi praktikalnya hanya 0.5 peratus sahaja yang menggunakan *fasakh* untuk membubarkan perkahwinan. Kebanyakan perkahwinan dibubarkan melalui *ṭalāq*. Kerana lebih mudah dan menjimatkan masa serta wang<sup>37</sup>.

Perceraian selanjutnya yang dibenarkan dalam Akta ini ialah kerana pertukaran agama atau murtad. Peruntukan tersebut termaktub dalam seksyen 10, iaitu tiada seseorang lelaki boleh berkahwin dengan seseorang bukan Islam kecuali seorang *Kitābiyah*, dan tiada seseorang perempuan boleh berkahwin dengan seseorang bukan Islam. Seksyen 2 mentakrifkan *Kitābiyah* sebagai bererti seorang perempuan dari keturunan Banī Ya'qūb, atau seorang perempuan Naṣrani dari keturunan orang-orang Naṣrani sebelum Nabi Muḥammad menjadi Rasul, atau seorang perempuan Yahudi dari keturunan orang-orang Yahudi sebelum Nabi 'Isa menjadi Rasul. Berdasarkan takrifan tersebut, secara logiknya golongan *kitābiyah* ini tidak lagi wujud dan tidak memberi apa-apa kesan sekiranya tidak diperuntukan di dalam Akta.

Berkenaan dengan pertukaran agama dalam sesuatu perkahwinan, seksyen 46 memperuntukkan bahawa jika salah satu pihak kepada perkahwinan itu murtad atau memeluk sesuatu kepercayaan lain daripada Islam, maka perbuatan yang demikian tidak boleh dengan sendirinya berkuatkuasa membubarkan perkahwinan itu melainkan dan sehingga disahkan sedemikian oleh Mahkamah. Begitu juga, jika salah satu pihak kepada sesuatu perkahwinan bukan Islam memeluk agama Islam, maka perbuatan yang demikian tidak boleh dengan sendirinya berkuatkuasa membubarkan perkahwinan itu melainkan dan sehingga disahkan sedemikian oleh Mahkamah.

Walau bagaimanapun, tiada pembatalan perkahwinan atau lafaz *ṭalāq* pada perintah perceraian boleh didaftarkan melainkan Ketua Pendaftar berpuas hati bahawa Mahkamah telah membuat perintah muktamad berhubungan dengannya<sup>38</sup>. Berkenaan dengan penalti, seksyen 124 menyatakan bahawa seseorang lelaki yang menceraikan isterinya dengan melafazkan *ṭalāq* di luar Mahkamah dan tanpa kebenaran Mahkamah hendaklah di hukum dengan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau penjara tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya sekali.

### 3.5.1 KADAR PERCERAIAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Matlamat perkahwinan adalah untuk hidup berkeluarga yang penuh kebahagiaan dan berkekalan sehingga ke akhir hayat dengan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Hukum syarak. Namun, kadang kala maksud tersebut tidak kesampaian kerana sebab-sebab yang tertentu. Dalam hal ini, perceraian diharuskan sekiranya tiada lagi jalan lain yang dapat mendamaikan mereka. Ia merupakan langkah yang terakhir dan jika boleh, hendaklah dielakkan. Walau bagaimanapun, dalam konteks Malaysia, perceraian seolah-olah menjadi suatu perkara yang amat biasa di kalangan umat Islam. Perkara ini jelas dapat di lihat jika di buat perbandingan angka-angka perceraian negeri-negeri di Malaysia bagi tahun 1980 hingga 2000.

Statistik perkahwinan mengikut negeri-negeri di Malaysia memaparkan unjuran yang semakin ketara peningkatannya tahun demi tahun. Umpamanya pada tahun 1994, sebanyak 95,863 perkahwinan didaftarkan. Setahun kemudian, iaitu pada tahun 1995, jumlah tersebut melonjak kepada 106,621, iaitu peningkatan sebanyak 10,758 atau 10.1 %. Secara purata, perkahwinan yang didaftarkan di Malaysia setiap tahun (iaitu di antara 1987 hingga 1997 ) selama 10 tahun ialah sebanyak 97,922. Aliran yang sama juga turut berlaku di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Sebagai contoh, pada tahun 1998, jumlah yang didaftarkan ialah 3,103 perkahwinan dan setahun kemudian ia menokok

kepada 3,685 iaitu peningkatan sebanyak 582 perkahwinan atau 18.76%. Manakala, kadar purata tahunannya (1990 hingga 2000) pula ialah sebanyak 3,137 perkahwinan. (Lihat rajah satu [1])

Malangnya, statistik perceraian mengikut negeri-negeri di Malaysia juga membuat unjuran yang hampir serupa iaitu peningkatan kes-kes perceraian yang semakin ketara. Misalnya pada tahun 1990, sebanyak 10,646 kes didaftarkan dan pada tahun 1998, ia meningkat kepada 13,208 kes iaitu peningkatan sebanyak 2,562 kes atau 24%. Jadual dua (2) menunjukkan bahawa kadar perceraian di Malaysia dalam jangka masa sepuluh tahun (1987 hingga 1997) adalah sebanyak 126,431 kes. Purata perceraian pada setiap tahun pula ialah sebanyak 12,643 kes. Jika dinisbahkan dengan jumlah perkahwinan dalam tempoh tersebut maka kadar peratusannya agak tinggi iaitu sebanyak 13%.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah salah sebuah negeri yang tertinggi kadar perceraianya di Malaysia. Hal ini dapat dilihat jika dibandingkan angka perceraian negeri-negeri di Malaysia bagi tahun 1980 hingga 1996. Jadual tiga (3) menunjukkan bahawa kadar perceraian negeri-negeri di Malaysia dalam jangka masa enam belas tahun (1980-1997) adalah tinggi. Jika dibandingkan dengan angka perkahwinan maka kadar peratusan perceraian untuk tempoh tersebut adalah 18.10%. Kelantan merupakan negeri yang tertinggi kadar perceraianya iaitu 35.95%. Kedua, negeri Perlis iaitu sebanyak 31.1%. Ketiga, Wilayah Persekutuan dengan 22.71% dan ke empat ialah negeri Sabah iaitu 21.4%.

Kes perceraian yang didaftarkan di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) mulai tahun 1974 hingga 2000 berjumlah 11,092 pasangan. Daripada jumlah tersebut, hanya 2,410 pasangan sahaja yang rujuk kembali.

Data dalam jadual empat (4) memaparkan laporan jenis-jenis perceraian yang didaftarkan dalam tahun 1990 hingga 1999 di JAWI. Dalam tempoh tersebut, perceraian secara *ṭalāq* berjumlah 5,159 kes, cerai *ta'liq* sebanyak 956 kes, perceraian secara *khul'* seramai 77 kes dan perceraian secara *fasakh* sebanyak 389 kes.

Berdasarkan analisa daripada data tersebut, jumlah perceraian secara *talaq* adalah yang tertinggi berbanding dengan lain-lain cara. Sebagaimana yang telah dibincangkan dalam bab yang lalu, selain perceraian menerusi *ṭalāq*, isteri yang diceraikan dengan cara *fasakh* dan *ṭalāq ta'liq* juga berhak terhadap tuntutan *mut'ah*. Oleh itu, sepatutnya kadar tuntutan *mut'ah* juga tinggi seiring dengan kadar perceraian yang tinggi di Malaysia amnya dan Kuala Lumpur khususnya.

# Jadual Satu (1)

## PERCERAHAN RUJUK POLIGAMI

### STATISTIK PERKAHWINAN MENGIKUT NEGERI

| NEGERI/DAERAH | 1987   | 1988   | 1989   | 1990   | 1991   | 1992   | 1993   | 1994   | 1995    | 1996    | 1997   | 1998   | 1999   | 2000   |
|---------------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|---------|---------|--------|--------|--------|--------|
| PERLIS        | 1,300  | 1,283  | 1,265  | 1,391  | 1,339  | 1,433  | 1,422  | 1,381  | 1,304   | 1,566   | 1,410  | 1,450  |        |        |
| KEDAH         | 8,925  | 8,486  | 9,782  | 11,260 | 9,208  | 13,146 | 13,844 | 14,476 | 15,559  | 18,078  | 14,890 | 14,847 | 5,692  |        |
| PULAU PINANG  | 3,244  | 3,206  | 3,210  | 3,230  | 3,233  | 3,503  | 3,818  | 3,537  | 3,271   | 3,875   | 3,867  | 3,756  | 3,230  | 2,694  |
| PERAK         | 9,045  | 9,614  | 9,350  | 7,796  | 8,867  | 10,124 | 10,235 | 10,827 | 10,500  | 11,180  | 9,781  | 9,788  | 8,233  | 4,607  |
| SELANGOR      | 7,586  | 7,961  | 7,516  | 7,624  | 8,080  | 8,441  | 8,845  | 9,032  | 9,558   | 10,138  | 7,542  | 8,948  | 7,039  | 8,201  |
| KUALA LUMPUR  | 2,595  | 2,144  | 2,563  | 2,750  | 2,785  | 2,930  | 2,922  | 3,141  | 2,597   | 2,868   | 2,844  | 3,103  | 3,685  | 2,750  |
| N SEMBILAN    | 2,976  | 2,989  | 3,010  | 3,170  | 3,308  | 3,682  | 3,657  | 3,826  | 4,265   | 4,012   | 3,826  | 3,959  | 2,392  |        |
| MELAKA        | 3,259  | 3,209  | 3,147  | 3,168  | 3,445  | 3,447  | 3,563  | 3,644  | 3,661   | 3,836   | 3,275  | 2,952  | 2,069  | 2,057  |
| JOHOR         | 9,977  | 9,789  | 10,188 | 11,577 | 11,567 | 12,263 | 10,922 | 12,804 | 14,776  | 12,319  | 11,838 | 7,653  |        | 9,837  |
| PAHANG        | 4,855  | 4,575  | 4,722  | 4,858  | 5,360  | 5,677  | 6,068  | 6,747  | 7,006   | 7,098   | 7,110  | 6,807  | 6,357  | 5,823  |
| TERENGGANU    | 5,135  | 4,996  | 5,191  | 5,518  | 5,691  | 5,458  | 5,628  | 6,104  | 6,409   | 6,595   | 7,195  | 6,854  |        | 2,393  |
| KELANTAN      | 8,531  | 9,502  | 9,536  | 10,225 | 10,127 | 10,358 | 10,686 | 11,097 | 12,692  | 12,325  | 12,881 | 14,488 |        |        |
| SARAWAK       | 2,953  | 3,352  | 3,390  | 3,580  | 3,525  | 3,462  | 3,082  | 4,250  | 4,415   | 3,749   | 3,196  | 6,414  | 5,406  | 1,870  |
| SABAH         | 4,020  | 7,800  | 7,558  | 4,886  | 7,898  | 6,768  | 2,092  | 5,837  | 9,082   | 7,135   | 6,341  | #      |        | 3,424  |
| IWP LABUAN    | 163    | 189    | 246    | 272    | 274    | 232    | 253    | 220    | 215     | 240     | 205    | 294    | 192    | 164    |
| MALAYSIA      | 74,364 | 79,095 | 80,654 | 81,307 | 84,597 | 90,904 | 86,018 | 95,863 | 106,621 | 104,810 | 95,991 | 91,130 | 45,306 | 43,320 |

# Tidak dldapati

\* Jumlah statistik pengumpulan maklumat sehingga bulan Oktober 1998

Last Updated on Disember 2000  
By Bahagian Informasi Islam

JADUAL 2

PERKAHWINAN, RUJUK, POLIGAMI

STATISTIK PERCERAIAN MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA

|               | 1987   | 1988   | 1989   | 1990   | 1991   | 1992   | 1993   | 1994   | 1995   | 1996   | 1997   | 1998   | 1999  | 2000  |
|---------------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|--------|-------|-------|
| NEGERI/TAHUN  |        |        |        |        |        |        |        |        |        |        |        |        |       |       |
| PERLIS        | 312    | 320    | 361    | 287    | 277    | 250    | 117    | 204    | 204    | 218    | 209    | 289    |       |       |
| KEDAH         | 1,134  | 1,180  | 1,301  | 1,507  | 1,323  | 1,562  | 1,645  | 1,860  | 2,098  | 1,763  | 1,728  | 1,918  | 1,880 |       |
| PULAU PINANG  | 731    | 672    | 497    | 499    | 479    | 531    | 478    | 495    | 626    | 242    | 391    | 613    | 636   | 457   |
| PERAK         | 1,241  | 1,473  | 2,705  | 3,017  | 588    | 731    | 689    | 765    | 719    | 819    | 601    | 1,024  | 1,134 | 801   |
| SELANGOR      | 1,411  | 1,395  | 1,727  | 918    | 1,264  | 263    | 937    | 1,133  | 1,103  | 1,036  | 1,109  | 1,464  | 1,568 | 3,529 |
| WP. KUALUMPUR | 618    | 416    | 520    | 152    | 506    | 613    | 550    | 732    | 237    | 583    | 897    | 894    | 711   | 499   |
| N. SEMBILAN   | 406    | 304    | 1,234  | 288    | 310    | 335    | 345    | 323    | 315    | 246    | 387    | 329    | 373   |       |
| MELAKA        | 360    | 311    | 322    | 313    | 361    | 337    | 340    | 373    | 171    | 95     | 528    | 521    | 343   | 394   |
| JOHOR         | 1,351  | 1,351  | 1,332  | 1,247  | 1,249  | 1,166  | 1,192  | 1,502  |        | 1,199  | 1,449  | 1,089  |       | 1,402 |
| PAHANG        | 927    | 709    | 583    | 568    | 600    | 552    | 518    | 701    | 1,383  | 763    | 1,069  | 1,221  | 1,118 | 618   |
| TERENGGANYU   | 368    | 957    | 1,069  | 1,005  | 1,044  | 1,061  | 893    | 978    | 764    | 633    | 862    | 803    |       | 463   |
| KELANTAN      | 1,536  | 1,573  | 1,886  | 1,596  | 1,563  | 1,513  | 1,532  | 1,585  |        | 1,707  | 1,846  | 1,805  | 1,768 |       |
| SARAWAK       | 320    | 1,373  | 273    | 303    | 421    | 394    | 420    | 269    | 201    | 366    | 368    | 603    | 215   | 218   |
| SABAH         | 874    | 1,376  | 1,621  | 724    | 1,086  | 1,038  | 1,088  | 761    | 1,496  | 1,646  | 339    |        |       | 349   |
| WP. LABUAN    | 12     |        | 43     | 39     | 46     | 38     | 38     | 150    | 281    | 53     | 540    | 54     | 127   | 18    |
| MALAYSIA      | 12,591 | 12,572 | 10,709 | 10,346 | 11,317 | 10,938 | 11,342 | 11,774 | 11,524 | 10,875 | 11,745 | 13,208 | 8,803 | 8,520 |

\* Maklumat Tidak didapati

Last Updated on Disember 2000  
By Bahagian Informasi Islam

Jadual Tiga (3)

Bandingan perceraian antara negeri-negeri di Malaysia dalam jangka masa enam belas tahun (1980-1996)

| NEGERI              | BIL. KAHWIN<br>1980 – 1996 | BIL. CERAH<br>1980 –<br>1996 | PERATUS<br>PERCERAIAN |
|---------------------|----------------------------|------------------------------|-----------------------|
| Johor               | 191,252                    | 21,613                       | 11.30%                |
| Kedah               | 162,023                    | 29,375                       | 18.13%                |
| Kelantan            | 217,834                    | 78,323                       | 35.95%                |
| Melaka              | 52,575                     | 5,067                        | 9.65%                 |
| Negeri Sembilan     | 53,031                     | 6,250                        | 11.79%                |
| Pahang              | 85,279                     | 12,218                       | 14.35%                |
| Perak               | 155,602                    | 16,259                       | 10.45%                |
| Perlis              | 23,049                     | 7,171                        | 31.11%                |
| Pulau Pinang        | 56,494                     | 9,544                        | 16.89%                |
| Selangor            | 77,845                     | 16,655                       | 21.41%                |
| Sarawak             | 60,089                     | 5,631                        | 9.37%                 |
| Selangor            | 126,874                    | 18,313                       | 14.43%                |
| Terengganu          | 101,035                    | 21,625                       | 21.40%                |
| Wilayah Persekutuan | 44,034                     | 9,999                        | 22.71%                |
| JUMLAH              | 1,425,104                  | 258,075                      | 18.10%                |

Sumber : Sistem Maklumat Islam Berkomputer (SISMI), Pusat Penyelidikan Islam, JAKIM

JADUAL 4

Laporan perceraian yang didaftarkan dalam tahun 1990 – 1999 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

| <i>Tahun</i>  | <i>Talāq</i> | <i>Ta'liq</i> | <i>Khul'</i> | <i>Fasakh</i> |
|---------------|--------------|---------------|--------------|---------------|
| 1990          | 393          | 50            | 5            | 6             |
| 1991          | 466          | 32            | 6            | 2             |
| 1992          | 553          | 40            | 12           | 8             |
| 1993          | 498          | 52            | 2            | 7             |
| 1994          | 675          | 48            | 6            | 4             |
| 1995          | 167          | 56            | 8            | 6             |
| 1996          | 472          | 57            | 9            | 15            |
| 1997          | 727          | 198           | 15           | 86            |
| 1998          | 637          | 235           | 10           | 119           |
| 1999          | 571          | 188           | 4            | 138           |
| <b>Jumlah</b> | <b>5,159</b> | <b>956</b>    | <b>77</b>    | <b>389</b>    |

Sumber : Bahagian Nikah, Cerai dan Rujuk, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan .

## Nota Hujung

<sup>1</sup> Shafiee Ahmad dan Sulaiman Zakaria, *Bandar-Bandar Ibu Negeri dan diRaja*. Kuala Lumpur: Buku Must Sdn. Bhd, 1992, hal. 3

<sup>2</sup> Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan, "Wilayah Persekutuan", *Majalah*, (Kuala Lumpur: t.t). hal.1.

<sup>3</sup> Wan Sulaiman bin Wan Ibrahim, *Perceraian di Kalangan Orang-Orang Melayu di Kuala Lumpur*, Tesis M.A., Jabatan Antropologi & Sosiologi, Universiti Malaya, 1990, hal. 29.

<sup>4</sup> *Perlembagaan Persekutuan*. Kuala Lumpur: International Law Abook Services, 1995, hal. 1 – 2.

<sup>5</sup> Fasal 3(3) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (Akta 164) dan Kaedah-kaedahnya.

<sup>6</sup> JBPM (1987), hal. 3.

<sup>7</sup> Nik Noraini Nik Badlishah, *Undang-Undang Keluarga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hal.103

<sup>8</sup> [(1989) 2 MLJ ix.]

<sup>9</sup> Sheikh Ghazali bin Abd. Rahman, "Pelaksanaan, Amalan dan Permasalahan Undang-Undang Keluarga Islam: Pengalaman Wilayah Persekutuan", Seminar Pelaksanaan Undang-Undang Keluarga Islam Peringkat Kebangsaan, Anjuran Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Dewan Mukamat Pusat Islam pada 26 – 28 Jun 1989, hal. 2.

<sup>10</sup> Ibid.

<sup>11</sup> Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Seksyen & (Tafsiran Hukum Syarak).

<sup>12</sup> Perlembagaan Persekutuan, Perkara 4 (1), (2), (3) dan (4).

<sup>13</sup> *Buku Belanjawan JAWI* 1978.

<sup>14</sup> Artikel 4, Perlembagaan Persekutuan.

<sup>15</sup> Hamid Jusoh, *The Position of Islamic Law in The Malaysia Constitution with Special Reference To The Conversion case in Family Law*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991, hal. 56.

<sup>16</sup> Ibid., hal. 48.

<sup>17</sup> Ibid., hal. 50.

<sup>18</sup> JLTm (1985) hal. 12.

<sup>19</sup> Enakmen Pentadbiran Hukum Syara' Selangor, 1952, (Ubahsuai 1974), Seksyen 45.

<sup>20</sup> MAMPU, *Kajian Penyusunan Semula Majlis dan Jabatan Agama Islam Negeri-Negeri*, Kuala Lumpur, 1984, hal. 12.

<sup>21</sup> Official report of Legislative Council Debate, 1958.

<sup>22</sup> Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Seksyen. 4.

<sup>23</sup> Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act, 1993 (Act 505) Section 40(1), (2), (3).

<sup>24</sup> Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Bahagian I, Seksyen 2(1).

<sup>25</sup> Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act, 1993 (Act 505) Section 48(1), (2).

<sup>26</sup> Mahmud Saedon A. Othman, *Institusi Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hal. 238.

<sup>27</sup> Ibid, hal. 237.

<sup>28</sup> Administration of Islamic Law (Federal Territories) Act, 1993m(Act 505) Section 47 (1), (2), (3).

<sup>29</sup> Ibid.

<sup>30</sup> Tembual dengan En. Abu Zaki, Pendaftar Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, bertempat di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, pada 19.7.97.

---

<sup>31</sup> Tun Muhammad Suffian bin Hashim, *Mengenal Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987 hal. 349.

<sup>32</sup> Ahmad Ibrahim, *Sistem Undang-Undang Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka; 1985, hal. 32.

<sup>33</sup> Ibid

<sup>34</sup> Mahmud Saedon A. Othman, op. cit, hal. 242.

<sup>35</sup> Ibid, Lihat juga Kaedah Mahkamah Agung 1980 dalam aturan 53 (5) tidak mengasingkan Mahkamah Syariah. Akta Kehakiman Mahkamah 1964 (Disemak semula pada 1972 dalam seksyen 35 memberikan kuasa umum menyemak semula dan menyelia kepada Mahkamah Tinggi).

<sup>36</sup> Eekelaar, John, *Family Security and Family Breakdown*. Harmondsworth, Penguin, 1971, hal. 46.

<sup>37</sup> Zaleha Kamaruddin, *Isu-Isu Kekeluargaan dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia, cet. 1, 1997, hal.93. Lihat juga Zaleha Kamaruddin, *A Comparative Study of Divorce Among Muslims and Non-Muslims in Malaysia With Special Reference to the Federal Territory of Kuala Lumpur*. Thesis Ph.D, Universiti London, 1993.

<sup>38</sup> Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984, Bahagian 5, Perkara 55.